

UCAPAN PRESIDEN MSIA 2019/2021 SEMPENA MESYUARAT AGONG KE-15 BERTARIKH 17 JULAI 2020

Assalamualaikum wbt dan Selamat Sejahtera.

Y.Bhg Datuk-datuk, datin-datin, profesor-profesor, tuan-tuan, puan-puan Ahli Pertubuhan Penilaian Impak Sosial Malaysia. Selamat datang ke Mesyuarat Agung kita pada kali ini.

Pertamanya saya sebagai Presiden Pertubuhan MSIA ingin mengalu-alukan kedatangan semua secara virtual ke mesyuarat agung kita menurut norma-norma baharu pasca Covid19. Saya berharap mesyuarat ini akan dapat berjalan dengan baik dan mencapai sasaran kita pada hari ini.

Sepanjang tahun 2019 sehingga hari ini, pertubuhan telah melalui pengalaman yang mencabar dan memberangsangkan. Selaras dengan aspirasi untuk memperkasakan pertubuhan ini, sepanjang tahun 2019 sehingga hari ini, kita telah memperkukuhkan bilangan ahli profesional dan ahli biasa dengan memproses permohonan yang diterima dan meluluskan mereka yang layak. Namun begitu, saya ingin tekankan bahawa kekuatan sebuah pertubuhan bukan terletak kepada bilangan ahli semata-mata, sebaliknya adalah di atas bilangan ahli yang aktif dan berkualiti.

Ini adalah satu tanda bahawa pertubuhan telah mendapat perhatian yang bertambah berdasarkan kepentingannya di dalam memacu profesionalisme perunding SIA di seluruh negara, terima kasih saya tujukan kepada mantan Presiden MSIA, Y.Bhg Datin Paduka Dr Dahlia dan ahli-ahli exco yang lalu kerana telah membawa pengiktirafan profesion ini di peringkat negara melalui pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa, Akta 172.

Peranan pertubuhan di dalam proses perancangan impak sosial juga telah semakin meningkat. Pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh pertubuhan termasuk sebagai ahli Panel Penilai Laporan SIA di PLAN Malaysia persekutuan dan negeri, aktiviti latihan dan seminar samada oleh pertubuhan sendiri atau jemputan, mesyuarat timbalbalas bersama pelbagai jabatan dan agensi yang berkaitan dengan proses penilaian impak di seluruh negara seperti PLANMalaysia, Jabatan Alam Sekitar dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan bengkel-bengkel Pelaksanaan SIA & Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA).


Malah sebelum Covid-19 kita telah merancang satu seminar di peringkat nasional di Sabah dan Sarawak untuk menarik lebih ramai ahli-ahli baharu dan memperkasakan ahli-ahli sedia ada dalam profesionalisme SIA. Kita juga dijadualkan bersama-sama International Association for Impact Assessment (IAIA) di Seville, Sepanyol dalam satu persidangan antarabangsa bersama kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkaitan penilaian impak dari negara kita, namun aktiviti ini telah terpaksa ditangguhkan ke tahun hadapan. Dan kita berdoa agar kita dapat kembali aktif dengan norma-norma baharu dan wabak ini akan dapat kita bendung segera.

Y.Bhg Datuk-datuk, datin-datin, profesor-profesor, tuan-tuan dan puan-puan;

Peranan pertubuhan adalah sangat luas. Ahli-ahlinya bukan sahaja merupakan ahli-ahli yang aktif di dalam kajian SIA untuk projek-projek pembangunan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa, ahli kita juga sebahagian bergerak aktif di dalam penyediaan SIA untuk skim persijilan seperti MSPO, SIA untuk keperluan institusi kewangan antarabangsa, SIA untuk kajian feasibiliti, SIA untuk Kajian EIA termasuk di Sabah dan Sarawak, dan SIA untuk kajian sosio-ekonomi di dalam EIA.

Bagi SIA untuk projek pembangunan, PLANMalaysia juga secara tegas telah mengiktiraf peranan MSIA sebagai satu pertubuhan profesional yang boleh sebanding dengan badan-badan profesional yang lain dalam menyumbang kepada proses perancangan impak sosial di negara kita. Kita perlu terus memperkukuhkan profesionalism kita sebagai perunding SIA supaya dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan profesional yang lain, malah seharusnya perunding dari pertubuhan MSIA inilah yang menjadi peneraju profesionalism SIA di negara ini.

Untuk terus memperkukuhkan pertubuhan sehingga tahun 2021, iaitu satu tahun lagi, beberapa usul akan dibentangkan. Ini termasuklah pindaan kepada perlembagaan untuk memperkukuhkan lagi proses dan prosedur keahlian, cadangan usul tindakan kepada ahli MSIA yang tidak aktif menurut perlembagaan serta pindaan kepada logo MSIA untuk memberi nafas baru yang lebih segar. Sebahagian usul adalah untuk dibincangkan dan sebahagiannya untuk kelulusan ahli.



Saya berharap semua ahli-ahli MSIA dapat memberikan kerjasama yang baik untuk membahaskan usul-usul ini. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama MSIA dalam memperkukuhkan kedudukan perunding SIA terutamanya PLANMalaysia Persekutuan dan Negeri, Jabatan Alam Sekitar, dan semua agensi berkaitan penilaian impak sosial.

Sekalung penghargaan juga kepada barisan Exco MSIA 2019/2021 di atas kerjasama erat dan sumbangan idea dan komitmen di dalam aktiviti-aktiviti MSIA seterusnya bersama memacu perkembangan pertubuhan, dan kepada semua ahli MSIA yang setia bersama-sama pertubuhan selama ini. Semoga kerjasama dan komitmen Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan akan dibalas dengan kejayaan profesion ini pada masa hadapan.

Dengan izin Allah Azawajalla, pencipta seluruh alam, saya mengakhiri ucapan aluan saya untuk Mesyuarat Agung kali ke-15, Pertubuhan Penilaian Impak Sosial Malaysia pada hari ini.

Assalamualaikum wbt. Sekian, terima kasih.

TPr Herlina bt Ab. Aziz

Presiden MSIA 2019/2021